

09/09/2001

Putar belit bekas duta Amerika

Syed Akbar Ali

MAHA Suci Allah berjanji untuk menolong jika kita seru kepada-Nya saja dan tidak sekutukan-Nya dengan sesiapa atau apapun. Jika kita semua mendoakan perlindungan Tuhan daripada bisikan jahat dan bisikan ganas yang sedang mengancam ketenteraman dan keharmonian negara kita, insya-Allah doa kita akan dikabulkan.

Sambil mengharap pertolongan Tuhan, kita juga perlu kluatir dan awasi anasir perosak dari luar negara yang menumpukan perhatian ganas dan jahat mereka terhadap negara kita.

Kita tidak faham apakah sebabnya mereka begitu benci kepada kita kerana negara kita dan pemimpin kita tidak pernah mencabul hak mereka atau bertindak tidak adil terhadap mereka. Kita tidak pernah mengebom Iraq, musnahkan rumah dan membunuh rakyat Palestin, menyokong rejim haram yang mencabul hak asasi kaum kulit hitam ataupun meletakkan sekatan ekonomi selama 40 tahun terhadap Cuba.

Kita tidak pernah meracuni kawasan hutan Vietnam dengan racun Agent Orange atau membunuh beratus ribu rakyat Vietnam dan Kemboja atas alasan mereka bukan manusia yang berguna sangat kepada kepentingan kaum kapitalis dunia.

Malaysia adalah sebuah negara aman di mana rakyat berbilang kaum duduk aman damai dan mencapai tahap kejayaan demi kejayaan dalam semua bidang. Tetapi kita sering melihat orang asing meniuip bisikan ganas untuk mencetuskan persengketaan dalam negara kita. Malang sekali mereka dibantu oleh ulama dangkal yang tidak segan meminta bantuan syaitan untuk tujuan mendapat sedikit simpati.

Maka tidak hairanlah apabila lidah rasmi Pas, Harakah memberi ruang kepada John R Mallot, bekas duta Amerika untuk bercakap dan menyokong keganasan untuk menggulingkan kerajaan telah dipilih secara demokrasi.

Dalam akhbar Harakah (1-15 September 2001), Mallot tidak setuju dengan seorang lagi penulis Amerika bernama Amy Ridenour yang mengkritik Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang yang sangat berbahaya kepada kepentingan Amerika Syarikat. Mengikut pandangan Ridenour, beliau tidak mahu Amerika mengulangi kesilapan mereka memihak kepada pemimpin yang akhir sekali boleh bertukar menjadi pelampau agama atau diktator fanatik.

Sebenarnya kita tidak perlu kepada pendapat Ridenour ataupun Mallot kerana mereka berdua mewakili aliran fikiran sebuah negara yang paling banyak menyebabkan kerosakan atas muka bumi Allah ini.

Dalam seluruh sejarah dunia tidak ada sebuah negara yang terbabit dalam lebih banyak peperangan, kesengsaraan, kematian dan kehancuran jiwa manusia, haiwan, pohon rimba, sungai dan tasik daripada Amerika Syarikat. Dan semua ini mereka lakukan kononnya untuk kebaikan manusia sejagat. Semoga Allah akan menyelamatkan kita daripada keganasan golongan Yakjuj Makjuj ini.

Mallot tidak sentuh sedikit pun bahawa Anwar menyalahgunakan kuasanya untuk mendera dan memaksa seorang gadis menafikan tuduhan salah laku seks terhadap Anwar yang mengakibatkan Anwar didapati salah oleh mahkamah. Sebaliknya Mallot menuding jari kepada Dr Mahathir sebagai merampas semua kuasa dalam negara ini. Kekalahan BN di Terengganu dan Kelantan tidak disebut sekali pun.

Dakwaan Mallot bahawa tiada kebebasan akhbar dalam negara menunjukkan kedangkalan Mallot kerana tulisan Mallot sendiri boleh didapati di tepi jalan. Mallot rujuk seorang penulis Harakah yang juga berkata tiada

kebebasan akhbar dalam negara kita. Tetapi dalam keluaran Harakah yang lebih awal, penulis itu membuat tuduhan bahawa kerajaan Malaysia telah mencuba dua kali membunuh Anwar. Di negeri Mallot sendiri tuduhan fitnah seperti ini boleh disaman dalam mahkamah dan menyebabkan bayaran ganti rugi berjuta dolar. Malang sekali oleh kerana tiada tindakan diambil oleh Jabatan Pendakwa Raya maka penulis seperti ini berani membuat tuduhan fitnah atas alasan kebebasan bersuara.

Mallot juga merujuk pelbagai pertubuhan akhbar Barat dan pro-Barat yang mengutuk Dr Mahathir dan negara kita sebagai anti-kebebasan. Mallot tidak sempat memberitahu hanya beberapa hari yang sudah Amerika Syarikat dengan sengaja menarik diri daripada persidangan dunia untuk membanteras perkauman atau anti-racism di Durban, Afrika Selatan. Amerika terpaksa berbuat demikian sebagai langkah sokongan terhadap dasar membunuh orang Palestin yang diamalkan Israel yang dikutuk hampir semua negara yang menghadiri persidangan itu.

Apakah membunuh orang Palestin sebahagian daripada hak kebebasan Amerika dan Israel?

Mallot juga terlupa untuk memberitahu bahawa Amerika Syarikat tidak mahu meterai perjanjian antarabangsa untuk mengharamkan penggunaan senjata periuk api yang mencederakan berjuta-juta penduduk di Dunia Ketiga.

Apakah Amerika Syarikat melihat senjata periuk api yang membunuh dan mencederakan beratus ribu manusia di Dunia Ketiga sebagai perlu untuk kekalkan kebebasan mereka?

Negara kita sebaliknya telah lebih awal lagi menandatangani perjanjian itu dan seterusnya angkatan tentera kita telah musnahkan semua stok periuk api yang ada.

Putar belit Mallot bersambung lagi. Mallot berkata Anwar pernah membacakan sebuah ayat Quran maksudnya, Tuhan menjadikan manusia dalam pelbagai warna supaya kita boleh belajar sesama sendiri. Selain daripada ayat ini, Mallot berkata Anwar sering rujuk kepada tulisan tokoh yang memperjuangkan demokrasi. Pertama sekali ayat yang disebut oleh Mallot tadi tidak ada dalam al-Quran. Yang paling hampir ialah ayat berikut:

"Dan di antara tanda-tanda-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan bermacam-macam bahasa kamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya tentang demikian itu menjadi tanda bagi orang yang mahu tahu." - Surah 30:22.

Maha Suci Allah menjadikan manusia dalam pelbagai warna kulit dan bahasa. Tetapi semua manusia itu adalah sama tarafnya di sisi Allah. Tetapi oleh kerana Mallot seorang kafir, dia boleh menyokong dasar perkauman Israel yang membunuh rakyat Palestin. Kerajaan Mallot juga pernah sokong rejim haram kulit putih di Afrika Selatan yang menghambakan kaum majoriti kulit hitam. Walaupun Nelson Mandela dipenjarakan berpuluh tahun, tidak sekali pun Amerika terdesak untuk mengebom Afrika Selatan atau meletakkan sekatan ekonomi terhadap negara itu.

Mallot berkata perjuangan Anwar boleh disamakan dengan perjuangan bekas presiden Amerika Syarikat seperti Thomas Jefferson dan Ronald Reagan. Mungkin contoh ini memang tepat pada sasarannya.

Ronald Reagan pernah menyalahgunakan kuasa tentera Amerika untuk menyerang negara Grenada di Laut Carribean supaya pemimpin negara itu boleh digulingkan dan diganti dengan pemimpin boneka.

Jefferson pula menjadi Presiden Amerika ketiga yang pernah menyimpan hamba kulit hitam dalam rumahnya. Salah seorang hamba kulit hitam itu adalah seorang wanita bernama Sally Hemmings yang diperkosa oleh Jefferson dan dijadikan gundeknya sehingga Sally melahirkan beberapa anak. Selain daripada itu, Jefferson juga pernah meminta maaf secara bertulis bahawa beliau mencuba menggoda isteri seorang sahabat karibnya.

Maka inilah sedikit latar belakang keluarga tertentu yang sekarang ini sedang menumpukan perhatian ganas mereka terhadap tanah air kita.

Malang sekali Pas dan lidah rasminya Harakah yang tidak terhingga kedangkalan mereka tidak sedar akan niat puak tertentu yang sedang mendampingi mereka. Oleh itu makhluk seperti Mallot diberi ruang untuk menaburkan fitnah dan meniup bisikan ganas mereka.

Pas dan terutama sekali pemimpinnya seperti Fadzil Noor dan Nik Aziz perlu faham bahawa kita tidak perlu bantuan daripada Alexander Downer dari Australia atau Mallot untuk memenangi pilihan raya. Lebih elok kita mengharapkan kebolehan kita sendiri dan mengerahkan tenaga dan kuasa rakyat kita sendiri secara baik dan halal.

Jauhilah pembohongan dan fitnah. Kembalilah kepada ajaran Allah dan Rasul-Nya.

(END)